

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 121

PERBEKALAN AIR

SUSUNAN BAB-BAB

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Bab

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KAWASAN-KAWASAN MENAKUNG AIR

3. Mengukur kawasan-kawasan menakung air

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN DAN KUASA-KUASA AM BAGI PENGUASA AIR

4. Menjaga dan mentadbir pekerjaan-pekerjaan air
5. Setakat mana British Standard Specification dikehendaki untuk dituruti
6. Lantikan pegawai-pegawai
7. Membekalkan air
8. Kuasa untuk memasuki ke atas tanah bagi maksud membina, membetul, atau memelihara serta menjaga paip-paip besar dan pekerjaan-pekerjaan air
9. Kuasa untuk memasang paip-paip besar, dll
10. Kuasa untuk memasang paip-paip tepi jalan dan kepala-kepala paip pemadam api

BAHAGIAN IV

KUASA YANG TERTENTU BAGI PENGUASA AIR

11. Penguasa Air boleh bersetuju untuk membekalkan air
12. Apakah ertinya bekalan air bagi kegunaan rumah-tangga
13. Kuasa untuk menghad, menahan, dll. bekalan air
14. Penguasa Air boleh memotong bekalan air kerana gagal membayar bayaran air
15. Kuasa untuk memasuki bangunan-bangunan
16. Kuasa untuk meminta cengkeram-cengkeram
17. Kedudukan paip-paip besar air dan gas, kawat-kawat elektrik, dll

18. Jika tuanpunya-tuanpunya, dll. cuai daripada membuat perubahan-perubahan maka Mahkamah Majistret boleh memerintah supaya pekerjaan itu dilakukan

BAHAGIAN V

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN DALAM

19. Membina dan menyambung perkhidmatan-perkhidmatan dalam
20. Belanja-belanja berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan dalam
21. Perkhidmatan-perkhidmatan dalam boleh dibetulkan oleh Penguasa Air
22. Sambungan ke paip besar menjadi bahagian dari pekerjaan-pekerjaan air
23. Menyukat air yang dibekalkan
24. Mencabut perkhidmatan dalam

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN DAN HUKUMAN-HUKUMAN

25. Membuang air
26. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan pekerjaan-pekerjaan air, menyimpangkan air anak sungai atau mengguna air dengan salah, dll
27. Menyekat kegunaan kepala-kepala paip pemadam api
28. Hukuman kerana membaharui bekalan air dengan secara salah

29. Notis penghalangan air hendaklah diberi kepada Penguasa Air
30. Mengotorkan pekerjaan-pekerjaan air
31. Air dari perkhidmatan yang tidak dibenarkan
32. Mengambil air berlawanan dengan perjanjian
33. Hukuman kerana menghalang Penguasa Air dalam tugasnya
34. Mengubah perkhidmatan air
35. Penyukatan yang palsu
36. Sangkaan terhadap orang yang menggunakan air berhubung dengan mengubahkan meter
37. Kegagalan menurut notis – hukuman am
38. Pekerja Penguasa Air boleh menuntut nama-nama dan alamat-alamat dalam perkara-perkara yang tertentu

BAHAGIAN VII

MENDAPATKAN SEMULA WANG-WANG YANG PATUT DIBAYAR

39. Mendapatkan semula wang-wang yang patut dibayar

BAHAGIAN VIII

SYARAT-SYARAT RAMPAIAN

40. Siapakah yang boleh mendakwa
41. Kuasa untuk mengambil tindakan
42. Mahkamah kerana membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini

43. Denda boleh ditetapkan kerana melanggar Peraturan-peraturan
44. Denda kerana melanggar Peraturan-peraturan di mana tiada ditetapkan dendanya
45. Paip-paip, cock-cock dalam penggunaan, dll., tidak akan terkena rampasan untuk dijual, dll
46. Lesen-lesen akan dikeluarkan mengikut pertimbangan
47. Memberi notis

BAHAGIAN IX

PERATURAN-PERATURAN

48. Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat untuk membuat Peraturan-peraturan

AKTA PERBEKALAN AIR

12 tahun 1962 **Satu Akta untuk mempersyaratkan bagi pengawalan dan peraturan perbekalan air.**

S.25/67

Permulaan kuatkuasa : 1hb Januari 1968

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran pendek

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Perbekalan Air.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini —

“tanah yang dimiliki orang” bermakna tanah Kerajaan yang dipajakkan ataupun dijual oleh atau bagi pihak Kerajaan ;

“Penguasa” bermakna Penguasa Air ;

“British Standard Specification” bermakna darjah ketentuan butir yang dikeluarkan oleh British Standard Institution yang berkuatkuasa pada tarikh dijalankan Akta ini atau sebarang perubahan atau pinjaman yang selanjutnya yang mungkin dikeluarkan dari masa ke semasa oleh British Standard Institution ;

“kawasan menakung air” bermakna sebarang muka tanah atau lain-lain kawasanyang mengumpulkan air hujan bagi maksud-maksud pekerjaan-pekerjaan air ;

“air yang boleh dikenakan bayaran” bermakna —

- (a) dalam perkara sebarang bangunan yang berhak mendapat sejumlah air yang percuma, air yang digunakan berlebihan dari jumlah yang percuma itu ;

(b) dalam perkara sebarang bangunan yang tidak berhak mendapat air percuma, jumlah air yang digunakan ;

“paip perhubungan” bermakna paip di antara paip besar yang dipunyai oleh Pengguna Air dengan meter orang yang menggunakan air, atau stop-cock jika tiada meter, termasuk sebarang stop-cock, kotak dan lain-lain kelengkapan serta benda-benda yang dipasang kepadanya ;

“sambungan ke paip besar” bermakna stop-cock, sebarang kotaknya, paip yang panjangnya dari stop-cock itu hingga paip besar kepunyaan Pengguna Air, dan semua kelengkapan-kelengkapan dan benda-benda yang dipasang kepadanya ;

“orang yang menggunakan air” bermakna mana-mana orang atau orang-orang atau badan bersatu yang dibekalkan atau yang memohon supaya dibekalkan dengan atau menggunakan air dari pekerjaan-pekerjaan atau siapa yang mungkin terkena membayar bayaran-bayaran kerana bekalan air atau wang-wang terhutang atau akan menjadi terhutang di bawah Akta ini. “Orang yang menggunakan air” mungkin seorang tuanpunya atau penduduk ;

“perkhidmatan kebakaran” bermakna sebarang paip-paip dan kelengkapan-kelengkapan yang digunakan semata-mata bagi maksud membekalkan air ke bangunan-bangunan untuk menentang kebakaran ;

“perkhidmatan dalam” bermakna semua paip-paip dan kelengkapan-kelengkapan yang terletak di luar paip perhubungan ;

“tukang paip yang berlesen” bermakna mana-mana orang atau orang-orang atau badan bersatu yang diberi lesen oleh Pengguna Air untuk membina, mengubah atau membetulkan perkhidmatan-perkhidmatan dalam atau perkhidmatan-perkhidmatan

kebakaran yang disambung atau akan disambung ke pekerjaan-pekerjaan air ;

“paip besar” bermakna sebarang paip yang dippunyai dan dijaga serta dipelihara oleh Penguasa Air, termasuk sebarang sambungan ke paip besar ;

“meter” bermakna sebarang perkakas yang digunakan bagi maksud menyukat atau menaksirkan jumlah air yang digunakan atau sebaliknya ;

“penduduk” bermakna orang yang menduduki bangunan yang berhubung dengannya perkataan itu ada digunakan atau menjaga, mengurus atau mengawal bangunan itu sama ada atas perbelanjaannya sendiri ataupun sebagai wakil kepada orang lain, tetapi tidak termasuk seorang penumpang ;

“lain-lain bangunan” bermakna semua bangunan-bangunan, yang digunakan bagi membuat ibadat, semua tanah perkuburan awam yang berlesen yang digunakan semata-mata bagi maksud ini, sekolah-sekolah awam, pejabat-pejabat pentadbiran Kerajaan dan asrama-asrama pemuda pemudi ;

“tuanpunya” bermakna orang yang pada masa itu menerima sewa bagi bangunan-bangunan yang berhubung dengannya perkataan itu ada digunakan sama ada atas perbelanjaannya sendiri atau sebagai wakil atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau siapa yang akan menerima sewa itu jika bangunan tersebut telah disewakan kepada seorang penyewa ;

“bangunan” bermakna sebarang bangunan, rumah, atau bahagian dari sebuah rumah, tanah yang tidak mempunyai rumah-rumah, atau sebarang bagan, tembok laut atau tambatan ;

“paip tepi jalan awam” bermakna sebarang pancuran air (fountain), paip tepi jalan, valve, kepala paip atau alat yang diadakan dan dijaga serta dipelihara oleh Pengguna Air bagi maksud membekalkan air kepada orang ramai ;

“Suku tahun” bermakna tiap-tiap 3 bulan yang berturut-turut ;

“Akta mengenakan cukai” bermakna Akta Lembaga-lembaga Bandaran ; Penggal 57

“stop-cock” bermakna sebarang kepala paip penutup yang dipasang di saluran masuk ke sebuah meter dan mengawal bekalan air ke mana-mana bangunan yang dikenakan atau yang boleh dikenakan bayaran air, cukai bandaran, bayaran atau sewa yang berasingan ;

“kepala air penutup (stop-tap)” bermakna stop-cock, stop valve dan sebarang alat lain bagi menahan pengaliran air dalam sebarisan paip-paip ;

“Pengguna Air” bermakna Pengarah Kerja Raya atau lain-lain orang, pegawai atau penguasa yang sedemikian yang boleh dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat untuk mentadbir, mengurus atau mengawas suatu pekerjaan air atau bekalan air ;

“kelengkapan-kelengkapan air” bermakna paip-paip (selain dari paip-paip besar), kepala-kepala paip, stop-cock-stop-cock, ball-cock-ball-cock, valve-valve, ferrule-ferrule, meter-meter, tempat-tempat penyimpan air, tempat-tempat mandi, tandas-tandas, perkakas memasak air panas, dan lain-lain perkakas yang serupa yang digunakan di perkhidmatan dalam berhubung dengan bekalan dan kegunaan air, kecuali meter-meter ;

“pekerjaan-pekerjaan air” bermakna semua kawasan-kawasan menakung air, kolam-kolam air, ampangan-ampangan, ampangan-ampangan sungai, tangki-tangki, tempat-tempat penyimpan air, tembusan-tembusan, batas-batas penapis air, conduit-conduit, jalan-jalan air, paip-paip besar, paip-paip, meter-meter, pancuran-pancuran air, paip-paip tepi jalan, pintu-pintu air, valve-valve, kepala-kepala paip pemandam api, pam-pam, kuasa-kuasa utama semula jadi (prime movers) dan semua pekerjaan-pekerjaan yang lain, atau alat-alat yang digunakan atau dibina bagi mengumpul, menyimpan, menghantar, membekal, menyukat atau mengatur air dan yang mana telah dibina oleh atau bagi pihak Kerajaan dan dipunyai oleh atau di bawah kawalan atau pengurusan Penguasa Air atau yang mana akan selepas ini digunakan atau dibina oleh Penguasa Air.

BAHAGIAN II

KAWASAN-KAWASAN MENAKUNG AIR

Mengukur
kawasan-
kawasan
menakung air

3. (1) Manakala difikirkan mustahak oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat supaya sempadan-sempadan atau kawasan-kawasan bagi mana-mana kawasan menakung air patutlah disukatkan atau diukur, maka Penguasa Air hendaklah menyuruh supaya sempadan-sempadan atau kawasan-kawasan tersebut disukatkan atau diukur, dan selepas itu tiada tanah yang belum dimiliki orang di dalam sempadan-sempadan atau kawasan-kawasan tersebut boleh dimiliki, diberi, ditukarkan nama atau dijual di dalam sempadan-sempadan atau kawasan-kawasan tersebut bagi sebarang apa juar maksud pun.

(2) Manakala mana-mana tanah yang dimiliki orang yang terletak di dalam sempadan-sempadan atau kawasan-kawasan yang disebutkan dalam ceraian (1) adalah dikehendaki bagi sebarang maksud yang berhubung dengan pekerjaan-pekerjaan air, termasuk pengawalan pekerjaan-pekerjaan air dari kekotoran, maksud tersebut hendaklah dianggap

sebagai suatu maksud awam dalam ertikata Kanun Tanah dan Akta Pengambilan Balik Tanah.

Penggal 41

(3) Satu peta atau pelan yang menunjukkan dengan jelas sempadan-sempadan atau kawasan-kawasan sebarang kawasan menakung air yang telah diukur atau disukatkan oleh Penguasa Air di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat dan disimpan di pejabat Penguasa Air dan hendaklah pada bila-bila masa yang munasabah dibenarkan untuk diperiksa oleh orang ramai.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN DAN KUASA-KUASA AM BAGI PENGUASA AIR

4. Penguasa Air akan menjaga dan mentadbirkan pekerjaan-pekerjaan air dan air yang di dalamnya dan mengurus perbekalan dan pembahagian air tersebut, tertakluk kepada kebenaran am daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Menjaga dan
mentadbir
pekerjaan-
pekerjaan air

5. (1) Semua paip, kelengkapan dan lain-lain benda yang disebutkan dalam Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini mengenai yang mana British Standard Specification boleh diperolehi, hendaklah menurut darjah yang ditentukan itu atau sebarang tambahan perubahan kepadanya :

Setakat mana
British
Standard
Specification
dikehendaki
untuk diturut

Dengan syarat bahawa Akta ini tidak akan dipakai kepada paip-paip, kelengkapan-kelengkapan atau lain-lain benda, kegunaan yang mana telah dibenarkan secara bertulis oleh Penguasa Air.

(2) Sebarang kehendak di dalam Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini supaya suatu kelengkapan air hendaklah menurut satu British Standard Specification akan dipakai hanya setakat ketentuan butir mengenai besarnya, jenis, bahan-bahan, kekuatan dan buatan kelengkapan tersebut.

Lantikan
pegawai-
pegawai

6. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh melantik sebilangan pegawai-pegawai yang mungkin difikirkan perlu bagi menjalankan syarat-syarat Akta ini dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Membekal-
kan air

7. Pengguna Air boleh mengadakan, membina dan memelihara serta menjaga kawasan-kawasan menakung air, kolam-kolam air dan pekerjaan-pekerjaan lain dalam Negara Brunei Darussalam atau, tertakluk kepada kebenaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, di luar Negara Brunei Darussalam bagi mengumpul dan membekalkan air, bagi maksud-maksud awam dan bersendirian dan boleh membuat kontrak dengan mana-mana orang atau orang-orang mengikut kétentuan-ketentuan yang difikirkan patut bagi perbekalan air kerana maksud-maksud tersebut.

Kuasa untuk
memasuki ke
atas tanah
bagi maksud
membina,
membetul,
atau
memelihara
serta menjaga
paip-paip
besar dan
pekerjaan-
pekerjaan air

8. (1) Tertakluk sebagaimana yang dipersyaratkan selepas ini, manakala perlu untuk berbuat demikian bagi maksud membuat, membina, mengadakan, membentul atau memelihara serta menjaga sebarang paip-paip besar atau lain-lain pekerjaan air di bawah Akta ini, maka Pengguna Air boleh meletakkan, menaruh atau menjalankan, di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tanah, selain dari tanah Kerajaan, paip-paip besar atau lain-lain pekerjaan air, setelah membayar gantirugi yang berpatutan kepada semua orang yang terlibat kerana sebarang gangguan, kerosakan atau kerugian yang mungkin timbul akibat dari perbuatan itu.

(2) Sebelum memasuki ke atas sebarang tanah bagi maksud yang disebutkan dalam ceraian (1), maka Pengguna Air hendaklah, kecuali dalam perkara yang mustahak disegerakan, memberi notis kepada tuanpunya atau penduduk tanah tersebut, menyatakan dengan seberapa penuh dan tepat yang boleh akan jenis dan banyaknya pekerjaan yang akan dilakukan itu, dan memberitahu tuanpunya atau penduduk itu tentang syarat-syarat ceraian (4) yang tersebut di bawah ini.

(3) Notis yang sedemikian hendaklah dianggap telah diberi dengan betul jika dihantar dengan jalan pos yang berdaftar atau ditinggalkan di tempat kediaman orang itu

yang biasa ataupun yang penghabisan sekali diketahui kepada siapa ianya hendak diberi, atau, jika tempat kediaman orang itu yang biasa atau yang penghabisan sekali diketahui tidak dapat ditentukan, dengan menampalkan notis itu dengan jelasnya di bahagian tanah tersebut.

(4) Jika timbul sebarang bantahan atau pertelingkahan mengenai perbuatan-perbuatan yang hendak dilakukan atau mengenai jumlah atau pembahagian gantirugi di bawah ceraian (1) maka hal itu hendaklah dengan ringkasnya ditentukan dan diputuskan oleh sebuah Mahkamah Majistret, ter-takluk kepada suatu rayuan kepada Mahkamah Tinggi.

9. Penguasa Air boleh membuat, membina dan mengadakan sebilangan paip-paip besar dan lain-lain pekerjaan air yang perlu bagi membekalkan sebarang daerah dan penduduk-penduduknya dengan air dan dalam menjalankan pekerjaan-pekerjaan tersebut boleh memasang paip-paip besar dan lain-lain pekerjaan air tersebut melalui, menyeberangi, atau di bawah mana-mana jalan atau jalan raya, atau sebarang tempat yang telah ditetapkan atau dimaksudkan bagi sebatang jalan atau jalan raya, atau sebarang bangunan di bawah mana-mana jalan atau jalan raya ;

Kuasa untuk
memasang
paip-paip
besar, dll

Dengan syarat walau bagaimanapun bahawa mengenai sebarang jalan atau jalan raya yang terletak di dalam kawasan Bandaran maka Penguasa Air hendaklah terlebih dahulu memperolehi (kecuali dalam perkara yang mustahak disegerakan) persetujuan daripada Penguasa Bandaran ; dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika mana-mana jalan atau jalan raya, atau mana-mana tempat yang telah ditetapkan atau dimaksudkan bagi sebatang jalan atau jalan raya, atau sebarang bangunan di bawah mana-mana jalan atau jalan raya, dibuka atau dipecahkan dalam menjalankan pekerjaan-pekerjaan tersebut maka Penguasa Air hendaklah dengan seberapa segera menyiapkan pekerjaan itu yang mana akan dibuka atau dipecahkan, dan membetul serta memperbaiki jalan, jalan raya, tempat atau bangunan tersebut.

Kuasa untuk memasang paip-paip bagi jalan dan kepala-kepala paip pemadam api

- 10.** Adalah sah bagi Pengguna Air untuk memasang paip-paip tepi jalan dan kepala-kepala paip pemadam api beserta dengan sambungan ke pekerjaan-pekerjaan air di dalam, di bawah atau di atas sebarang jalan atau jalan raya kepunyaan orang ; dan paip-paip tepi jalan dan sambungan-sambungan tersebut akan terus dalam kuasa Pengguna Air.

BAHAGIAN IV

KUASA-KUASA YANG TERTENTU BAGI PENGUNAAN AIR

Pengguna Air boleh bersetuju untuk membekalkan air

- 11.** Pengguna Air boleh bersetuju untuk membekalkan air bagi maksud-maksud kegunaan rumah tangga atau lain-lain maksud kepada mana-mana orang atau orang-orang yang tinggal sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam mengikut ketentuan-ketentuan dan syarat-syarat yang sedemikian dan untuk selama tempoh yang sedemikian sebagaimana Pengguna itu fikir patut.

Apakah erti-nya bekalan air bagi kegunaan rumah tangga

- 12.** Bekalan air bagi maksud-maksud kegunaan rumah tangga tidak akan termasuk bekalan air bagi lembu, kerbau atau kuda ataupun bagi membasuh kereta-kereta jika lembu, kerbau, kuda atau kereta-kereta tersebut disimpan untuk dijual atau disewakan atau disimpan oleh seorang pengangkut yang tetap, dan tidak akan termasuk bekalan air bagi menyimbah tanah atau kebun-kebun atau bagi pancuran air atau bagi sebarang mabsud perhiasan pun, ataupun bekalan air ke sebarang bangunan yang sebahagiannya digunakan bagi maksud sebarang perniagaan, perusahaan atau perdagangan.

Kuasa untuk menghad, menahan, dll bekalan air

- 13.** Adalah sah bagi Pengguna Air untuk menghad, menahan atau menggantung, memberhentikan, menutup atau menyimpangkan bekalan air melalui atau dengan jalan sebarang paip besar, perkhidmatan dalam atau paip tepi jalan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, manakala Pengguna Air itu mungkin fikirkan patut, dan dengan tidak pula menyentuh sebarang bayaran air, sewa meter atau lain-lain wang yang

patut dibayar atau akan dibayar di bawah Akta ini atau sebarang Akta mengenakan cukai —

- (a) apabila bekalan air yang diperolehi dari pekerjaan-pekerjaan air adalah pada fikiran Pengguna Air tidak mencukupi ; atau
- (b) apabila mungkin mustahak atau perlu bagi maksud menyambung, mengubah, menguji atau membetulkan pekerjaan-pekerjaan air atau bagi maksud menyambung perkhidmatan-perkhidmatan dalam atau kebakaran ; atau
- (c) apabila mana-mana paip tepi jalan awam rosak atau air paip itu kotor atau terbuang ; atau
- (d) dalam perkara suatu kejadian kebakaran ; atau
- (e) dalam perkara suatu kerosakan dalam pekerjaan-pekerjaan air ;

dan Pengguna Air ataupun mana-mana wakil Pengguna itu tidak akan terkena membayar sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin berlaku dari sekatan, penahanan, penggantungan, pemberhentian, penutupan atau penyimpangan tersebut.

14. Jika mana-mana orang yang berhak mendapat bekalan air di bawah sebarang perjanjian sebagaimana yang disebutkan dalam bab 11 dari Akta ini gagal membayar sebarang wang yang boleh dibayar olehnya di bawah perjanjian tersebut, maka Pengguna Air boleh memotong bekalan air dengan menanggal atau mencabut sebarang paip, saluran-saluran atau lain-lain pekerjaan yang melalui mana air dibekalkan dan boleh, sehingga sebarang wang yang boleh dibayar di bawah perjanjian berserta dengan belanja yang terkena oleh Pengguna itu dijelaskan dengan sepenuhnya, memberhentikan bekalan air kepada orang tersebut.

Pengguna Air
boleh
memotong
bekalan air
kerana gagal
membayar
bayaran air

15. Adalah sah bagi Pengguna Air atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengguna tersebut, dengan tidak payah memberi notis dan pada bila-bila masa

Kuasa untuk
memasuki
bangunan-
bangunan

yang munasabah, atau, dalam perkara yang mustahak di-segerakan, pada bila-bila masa, bagi maksud-maksud yang disebutkan di bawah ini untuk memasuki ke dalam dan ke atas sebarang bangunan yang mana di dalamnya atau di atasnya sebarang perkhidmatan dalam telah dipasang bagi bekalan air dari pekerjaan-pekerjaan air, iaitu —

- (a) untuk memeriksa sebarang perkhidmatan dalam dan menentukan sama ada sebarang perkhidmatan dalam atau meternya adalah terbuang, bocor, terhalang, diubah, terganggu atau rosak dan juga sebarang apa yang berhubung dengannya ;
- (b) untuk mengatur dan membetulkan sebarang perkhidmatan dalam atau meter ;
- (c) untuk menentukan banyaknya air yang digunakan ;
- (d) untuk memotong perkhidmatan dalam ke mana-mana bangunan atau untuk mengurang, menahan atau menggantung, memberhentikan, menutup atau menyimpangkan bekalan air ke mana-mana bangunan melalui atau dengan jalan sebarang perkhidmatan dalam sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya ;
- (e) untuk membetul, mengubah, mengambil, memasang semula, mengaturkan semula, atau sebaliknya untuk mengendalikan sebarang perkhidmatan dalam atau meter mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh keadaan-keadaan.

Kuasa untuk
meminta
cengkeram-
cengkeram

- 16.** (1) Adalah sah bagi Penguasa Air untuk menetapkan jumlah dan menuntut terlebih dahulu, bayaran cengkeram-cengkeram daripada orang-orang yang menggunakan air untuk meliputi jumlah yang patut dibayar atau yang akan dibayar bagi sewa meter dan bagi air yang boleh dikenakan bayaran di mana-mana bangunan, dan bagi pekerjaan yang akan dilakukan oleh Penguasa Air atas belanja orang yang menggunakan air.

(2) Cengkeram-cengkeram tersebut boleh disimpan oleh Pengarah Kerja Raya selama yang akan diperintahkan oleh Penguasa Air dan tidak akan menerbitkan bayaran bunga dan boleh, mengikut pertimbangan Penguasa Air dan dengan tidak menyentuh kuasa-kuasa Penguasa tersebut di bawah bab 24 dari Akta ini, digunakan untuk membayar sebarang wang bagi yang mana cengkeram itu telah dibuat dan yang mana belum lagi dibayar menurut sebarang Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 48 dari Akta ini.

17. (1) Jika Penguasa Air anggap perlu, bagi maksud-maksud Akta ini, untuk meninggikan, mendalamkan ataupun mengubah kedudukan sebarang paip air atau najis atau lain-lain pekerjaan air atau pekerjaan gas, kawat besar api elektrik, atau kawat telegraf atau lain-lain perkakas lampu elektrik atau perkakas telegraf yang dipasang di dalam sebarang jalan, maka ianya boleh dengan notis bertulis menghendaki orang yang empunya mana-mana paip-paip, pekerjaan-pekerjaan, kawat-kawat besar, paip-paip besar atau perkakas tersebut, atau orang-orang yang mengawalnya, untuk menyebabkan dengan serta-merta, ataupun dengan seberapa segera yang boleh, supaya sebarang paip-paip, pekerjaan-pekerjaan, kawat-kawat besar, paip-paip besar atau perkakas tersebut ditinggikan, didalamkan ataupun mengikut kedudukan yang diperintahkan kepadanya :

Dengan syarat bahawa perubahan tersebut tidaklah berkeadaan yang boleh merosakkan paip-paip, pekerjaan-pekerjaan, kawat-kawat besar, paip-paip besar atau perkakas tersebut buat selama-lamanya ataupun mencegah pengaliran air dengan bebas dan mudah seperti dahulu.

(2) Belanja-belanja untuk meninggikan, mendalamkan, atau mengubah dan gantirugi penuh bagi kererosakan yang dilakukan terhadapnya, hendaklah dibayar oleh Penguasa Air kepada orang atau orang-orang yang empunya paip-paip, pekerjaan-pekerjaan, kawat-kawat besar, paip-paip besar atau perkakas tersebut.

Kedudukan
paip-paip
besar air
dan gas,
kawat-kawat,
elektrik, dll.
akan diubah
dengan
perbelanjaan
Penguasa Air

(3) Jika timbul sebarang pertelingkahan mengenai jumlah atau pembahagian gantirugi tersebut, maka perkara itu hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersyaratkan di sini.

Jika
tuanpunya-
tuanpunya
dll.
cuai daripada
membuat
perubahan-
perubahan
maka
Mahkamah
Majistret
boleh
memerintah
supaya
pekerjaan itu
dilakukan

18. Jika orang yang empunya sebarang paip-paip, pekerjaan-pekerjaan, paip-paip besar, kawat-kawat besar atau perkakas tersebut, atau orang yang mengawalnya, tidak membuat pekerjaan itu dengan serta-merta, atau dengan seberapa segera yang boleh, selepas menerima notis tersebut untuk menyebabkan benda-benda itu ditinggikan, didalamkan atau diubah mengikut cara yang dikehendaki oleh notis tersebut, maka sebuah Mahkamah Majistret boleh, apabila dibuat permohonan oleh Penguasa Air, mengeluarkan suatu perintah paksaan bagi menjalankan pekerjaan yang perlu itu.

BAHAGIAN V

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN DALAM

Membina dan
menyambung
perkhidma-
tan-perkhid-
matan dalam

19. (1) Mana-mana orang yang menggunakan air boleh berurus dengan Penguasa Air atau seorang tukang paip yang berlesen untuk membina satu perkhidmatan dalam di dalam mana-mana bangunan bagi bekalan air dari pekerjaan-pekerjaan air.

(2) Tiap-tiap perkhidmatan dalam hendaklah dibina, dan jenis, besarnya dan mutu bahan-bahan dan kelengkapan-kelengkapan yang digunakan itu hendaklah menurut Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 48.

(3) Apabila pembinaan suatu perkhidmatan dalam telah siap sehingga memuaskan hati Penguasa Air maka ianya hendaklah disambungkan oleh Penguasa Air ke pekerjaan-pekerjaan air, tertakluk kepada —

(a) pembayaran bayaran-bayaran bagi penyambungan tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 48 ; dan

(b) orang yang menggunakan air itu memberi pengakuan yang dikehendaki oleh bab 24.

(4) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat yang terdahulu dari bab ini, Penguasa Air tidak akan, melainkan diperintahkan sebaliknya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, terikat untuk menyambungkan ke pekerjaan-pekerjaan air akan perkhidmatan-perkhidmatan dalam bagi sebarang banguan yang terletak —

(a) lebih dari 50 ela dari satu paip besar ; atau

(b) di atas tempat yang lebih tinggi daripada tempat yang mana air dari pekerjaan-pekerjaan air dapat dibekalkan secara mengalir sendiri.

(5) Tiada apa-apa di dalam bab ini akan dianggap menyekat mana-mana orang untuk mengambil air dari sebarang paip-paip tepi jalan awam di mana-mana daerah yang diadakan dengan paip-paip tepi jalan awam itu.

20. Belanja membina, mengubah atau membetulkan semua perkhidmatan-perkhidmatan dalam hendaklah ditanggung oleh orang yang menggunakan air.

Belanja-belanja berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan dalam

21. Penguasa Air boleh mengikut pertimbangannya sendiri (penguasa mungkin perbadanan atau orang) membetulkan mana-mana bahagian dari suatu perkhidmatan dalam atas permintaan orang yang menggunakan air, dan apabila siap pekerjaan itu maka orang yang menggunakan air hendaklah membayar belanja membetul pada masa dan tempat yang boleh ditentukan oleh Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 48.

Perkhidmatan-perkhidmatan dalam boleh dibetulkan oleh Penguasa Air

22. Sambungan ke paip besar akan dianggap menjadi sebahagian dari pekerjaan-pekerjaan air, dalam perkara sebarang perkhidmatan dalam yang ada sekarang atau yang dibina kemudian.

Sambungan ke paip besar menjadi bahagian dari pekerjaan-pekerjaan air

Menyukat air
yang
dibekalkan

23. Semua air yang dibekalkan ke bangunan-bangunan melalui perkhidmatan-perkhidmatan dalam hendaklah disukat dengan meter ataupun disukat atau dikenakan bayaran mengikut cara yang boleh ditentukan oleh Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 48.

Mencabut
perkhidma-
tan dalam

24. Adalah sah bagi Penguasa Air untuk mencabut dari pekerjaan-pekerjaan air akan perkhidmatan dalam ke mana-mana bangunan, dengan tidak menyentuh sebarang cukai air, sewa meter atau lain-lain wang yang patut dibayar atau akan dibayar di bawah Akta ini atau mana-mana Akta mengenakan cukai —

(a) melainkan orang yang menggunakan air, dalam tempoh 14 hari dari tarikh diberi notis bertulis kerana itu (yang mana boleh diberi mengikut cara yang diper-syaratkan oleh ceraian (3) bab (8), atau tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang boleh dibenarkan oleh Penguasa Air, memberi satu pengakuan yang memuaskan kepada Penguasa Air untuk membayar kepada Kerajaan, pada tiap-tiap suku tahun atau pada tempoh-tempoh yang lebih pendek daripada itu sebagaimana Penguasa Air boleh dalam sebarang perkara menentukan, jumlah wang yang patut dibayar kerana bayaran-bayaran air dan kerana sewa meter menurut Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 48 ;

(b) jika gagal dibayar sebarang cengkeram yang mungkin dikehendaki oleh Penguasa Air, atau sebarang wang yang patut dibayar di bawah Akta ini oleh orang yang menggunakan air, selagi kegagalan itu terus dilakukan ;

(c) jika pembinaan, perubahan atau pembetulan mana-mana perkhidmatan dalam oleh seorang yang menggunakan air tidak dilakukan sehingga memuaskan hati Penguasa Air menurut syarat-syarat Akta ini dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, atau jika pembinaan, perubahan atau pembetulan tersebut

dilakukan dengan tiada mendapat kebenaran Penguasa Air ;

(d) jika mana-mana orang yang menggunakan air didapati dengan sengaja atau cuai membuang air yang dibekalkan dari pekerjaan-pekerjaan air melalui perkhidmatan dalam ke bangunannya ; atau

(e) jika sebarang tindakan atau perbuatan dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan berlawanan dengan syarat-syarat Akta ini mengenai sebarang kerossakan, perubahan, pengotoran atau kesalahan kepada pekerjaan-pekerjaan air, atau sebarang perkhidmatan dalam atau perkhidmatan kebakaran.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN DAN HUKUMAN-HUKUMAN

25. Barangsiapa dengan sengaja atau cuai salah menggunakan atau membuang atau membenarkan untuk salah digunakan atau dibuang sebarang air yang dibekalkan dari pekerjaan-pekerjaan air sama ada melalui sebarang perkhidmatan dalam ataupun paip tepi jalan awam, akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$1,000 dan dalam perkara kesalahan yang kedua atau berikutnya, terkena denda sebanyak \$3,000 dan atau penjara selama 6 bulan.

Membuang
air

Kesalahan-kesalahan berhubung dengan pekerjaan-pekerjaan air, menyimpangkan air anak sungai atau menggunakan air dengan salah, dll

26. Barangsiapa, dengan sengaja atau cuai, dan dengan tiada kebenaran Penguin Air, yang —

- (a) mencacat atau menyebabkan dicacat pekerjaan-pekerjaan air ; atau
- (b) memasang atau menyebabkan dipasang sebarang paip besar, paip atau saluran paip untuk menghubungkan dengan mana-mana paip besar, paip, paip tepi jalan, kepala paip pemadam api atau saluran paip yang dipunyai atau di bawah pengurusan atau pengawalan Penguin Air dengan tidak mendapat perstujuan Penguin itu, atau
- (c) menyedut, menyimpangkan atau mengambil air dari pekerjaan-pekerjaan air atau dari mana-mana sungai, anak-anak sungai atau air yang membekalkan pekerjaan-pekerjaan air itu ; atau
- (d) mengganggu atau membuka atau menutup mana-mana valve, kepala paip memadam api, atau stop-cock yang dipunyai oleh pekerjaan-pekerjaan air ; atau
- (e) membekalkan mana-mana orang lain dengan sebarang air yang dibekalkan kepadanya bagi maksud-maksud kegunaan rumahtangga, kecuali dengan perstujuan bertulis daripada Penguin Air, atau mengubah atau mengganggu mana-mana meter yang dibekalkan oleh Penguin itu ; atau
- (f) menyambung atau memasang saluran-saluran getah yang tidak dibenarkan termasuk saluran yang dibuat dari buluh yang dibelah ke paip-paip air tepi jalan awam atau kepala-kepala paip pemadam api atau sebarang kelengkapan bersendirian ;

akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$1,000 dan dalam perkara kesalahan yang kedua dan berikutnya, terkena denda sebanyak \$3,000 dan penjara selama 6 bulan.

- 27.** (1) Tiada sesiapa boleh mengambil sebarang air —
- (a) bagi sebarang maksud selain dari maksud kegunaan rumahtangga dari mana-mana paip tepi jalan atau pancuran air (fountain) minum yang digunakan bagi membekalkan air kepada orang ramai ;
 - (b) bagi sebarang maksud apa jua pun dari mana-mana kepala paip pemadam api, paip besar, pekerjaan-pekerjaan air, alat atau perkakas yang dipunyai oleh Pengusaha Air kecuali dengan perjanjian atau persetujuan bertulis daripada Pengusaha itu.
- (2) Barangsiapa yang bertindak melanggar bab ini akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhan hukuman, terkena denda yang tidak lebih dari \$500.
- 28.** Jika pada bila-bila masa selepas bekalan air ke mana-mana bangunan telah dibaharui dengan tidak ada perintah daripada Pengusaha Air dan bahawa air itu adalah sedang digunakan oleh mana-mana orang, maka orang yang menduduki bangunan tersebut akan dianggap telah membaharui bekalan air dengan secara salah dan akan, apabila dijatuhan hukuman, terkena denda sebanyak \$50 bagi tiap-tiap hari air itu digunakan secara yang sedemikian.
- 29.** (1) Jika pada bila-bila masa sebarang paip, saluran paip atau lain-lain perkakas yang dipasang di dalam atau di atas mana-mana bangunan bagi kegunaan atau bekalan air kepada orang yang menduduki bangunan tersebut menjadi terhalang ataupun rosak yang mana boleh menyebabkan pembuangan air, maka penduduk tersebut hendaklah dengan serta-merta apabila hal itu diketahuinya memberi notis hal tersebut kepada Pengusaha Air.
- (2) Mana-mana penduduk sedemikian yang cuai untuk memberi notis tentang kejadian tersebut akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhan hukuman, terkena denda sebanyak \$50, dan bekalan air bolehlah dengan serta-merta dipotong dengan perintah Pengusaha Air sehingga pekerjaan-pekerjaan yang perlu untuk membetulkannya telah dilakukan.

Menyekat
kegunaan
kepala-kepala
paip
pemadam
api

Hukuman
kerana
membaharui
bekalan air
dengan secara
salah

Notis
penghalangan
air hendaklah
diberi kepada
Pengusaha Air

Mengotorkan
pekerjaan-
pekerjaan air

30. (1) Barangsiapa yang menambak atau membenarkan supaya ditambah sebarang tanah, benda atau cecair (liquid) mengikut cara atau di tempat yang sedemikian yang boleh menyebabkan benda-benda tersebut dibawa oleh air, jatuh atau termasuk ke dalam pekerjaan-pekerjaan air, akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhan hukuman, terkena denda sebanyak \$1,500.

(2) Jika sebarang tanah, benda atau cecair dibiarkan tertambah sedemikian selepas Pengguna Air telah memberi notis bertulis kepada orang tersebut (notis yang mana boleh diberi mengikut cara yang disyaratkan oleh ceraian (3) bab (8), menghendaki tanah, benda atau cecair tersebut supaya dipindahkan, atau supaya pekerjaan terus-menerus menambah tanah, benda atau cecair tersebut hendaklah diberhentikan, maka orang tersebut mungkin akan terkena satu lagi denda sebanyak \$300 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

(3) Barangsiapa yang mencuci atau mandi di dalam, atau membuang ke dalam sebarang perairan-perairan, sungai-sungai atau anak-anak sungai yang menjadi bahagian dari pekerjaan-pekerjaan air, atau mencuci, membuang atau menyebabkan, termasuk ke dalamnya sebarang binatang, hidup atau mati, atau sebarang apa benda juga pun, akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhan hukuman, terkena denda sebanyak \$1,500.

(4) Tiada apa di dalam bab ini akan disifatkan sebagai mencegah atau menyekat —

(a) sebarang cara bercucuk tanam yang mana adalah menurut dasar-dasar bercucuk tanam yang baik ; atau

(b) kegunaan minyak atau minyak tar yang berpatutan di atas mana-mana jalan raya yang dipelihara dan dijaga atas perbelanjaan kerajaan,

asalkan segala langkah yang munasabah diambil bagi mencegah pengotoran sebarang bahagian atau sebarang air dari pekerjaan-pekerjaan air.

31. Barangsiapa yang mengambil sebarang air dari pekerjaan-pekerjaan air, kecuali melalui satu perkhidmatan dalam yang bermeter ataupun dari sebuah paip tepi jalan awam, dengan tiada kebenaran daripada Pengusa Air, akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$1,000 dan dalam perkara kesalahan yang kedua atau berikutnya, terkena denda sebanyak \$3,000.

Air dari perkhidmatan yang tidak dibenarkan

32. Barangsiapa, setelah bersetuju untuk menggunakan air bagi maksud-maksud kegunaan rumahtangga sahaja, menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan supaya digunakan, air yang mengalir melalui paip-paip di dalam atau berhampiran bangunan-bangunannya untuk maksud-maksud selain dari maksud-maksud kegunaan rumahtangga akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$1,000.

Mengambil air berlawanan dengan perjanjian

33. Barangsiapa pada bila-bila masa mengganggu, menghalang atau mengacau Pengusa Air atau mana-mana pekerjaanya, wakil-wakilnya atau kontraktor-kontraktornya dalam menjalankan dan melakukan tugas mereka atau apa-apa juga pun yang mereka diberi kuasa atau dikehendaki membuat oleh kuatkuasa atau berikutan dengan Akta ini, atau mencabut sebarang tanda yang diletakkan bagi maksud menunjukkan sebarang paras atau hala yang perlu bagi menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang dibenarkan oleh Akta ini akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$3,000 atau penjara selama 6 bulan.

Hukuman kerana menghalang Pengusa Air dalam tugasnya

34. Barangsiapa mengubah atau menyebabkan atau membenarkan supaya diubah sebarang perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh Pengusa Air untuk membolehkan diambil bekalan air yang lebih banyak dari yang telah dipersetujui itu, akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman,

Mengubah perkhidmatan air

terkena denda sebanyak \$1,500 dan sebarang perkhidmatan yang diubahkan itu boleh digantikan mengikut keadaan yang betul oleh Pengguna Air atas perbelanjaan orang tersebut.

Penyukatan
yang palsu

35. Barangsiapa —

- (a) mengubah atau menyebabkan atau membenarkan supaya diubah sebarang perkhidmatan dalam dengan tujuan hendak mengelakkan penyukatan air yang betul ; atau
- (b) dengan sengaja atau cuai mengganggu atau merosakkan mana-mana meter ; atau
- (c) dengan niat yang tidak jujur mengubah susunan nombor mana-mana meter yang digunakan oleh Pengguna Air kerana menyukat air yang dibekalkan oleh Pengguna tersebut ; atau
- (d) dengan niat yang tidak jujur mencegah mana-mana meter yang digunakan oleh Pengguna Air dari mendaftarkan dengan betul banyaknya air yang dibekalkan ; atau
- (e) dengan niat yang tidak jujur mengambil atau menggunakan sebarang air ;

akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$3,000.

(2) Sebarang perkhidmatan dalam yang diubah sedemikian atau meter yang dirosakkan, atau diubah, atau diganggu sedemikian, hendaklah diganti atau diperbaiki oleh Pengguna Air dan belanja bagi mengganti atau memperbaikinya boleh dituntut atas perintah seorang majistret daripada orang yang telah dijatuhkan hukuman di bawah ceraian (1) sama seperti denda.

36. (1) Dalam sebarang pendakwaan kerana suatu kesalahan di bawah bab 35 dari Akta ini, adanya cara-cara buatan manusia bagi mengubah susunan nombor bagi sebarang meter atau bagi mencegah sebarang meter dari mendafarkan banyaknya air yang dibekalkan, atau bagi menyedut, memakai atau menggunakan air kepunyaan Pengguna Air, apabila meter tersebut adalah di bawah jagaan atau kawalan orang yang menggunakan air, hendaklah menjadi keterangan *sepintas lalu* bahawa perubahan, pencegahan, penyedutan atau pemakaian tersebut, mengikut sebagaimana keadaannya, telah disebabkan dengan tipu daya, diketahui dan sengaja oleh orang yang menggunakan air yang menggunakan meter tersebut.

Sangkaan terhadap orang yang menggunakan air berhubung dengan mengubah-kan meter

(2) Mana-mana orang yang sedemikian yang dengan tipu daya, diketahui dan sengaja menyedut, menyebabkan supaya terbuang atau disimpangkan, memakai atau menggunakan sebarang air kepunyaan Pengguna Air hendaklah dianggap telah melakukan kesalahan yang disebutkan dalam bab 379 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penal Code).

Penggal 22

37. (1) Apabila sebarang notis di bawah Akta ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berkehendakkan supaya dibuat sebarang tindakan atau dilakukan pekerjaan oleh tuanpunya atau penduduk mana-mana bangunan dan mereka itu gagal untuk menurut kehendak-kehendak yang disebutkan dalam notis itu, maka orang yang gagal berbuat demikian akan, jika tiada ditentukan dengan khasnya denda bagi kegagalan tersebut, didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$600.

Kegagalan menurut notis — hukuman am

(2) Jika sebarang notis tersebut berkehendakkan supaya dibuat sebarang tindakan atau dilakukan pekerjaan yang masanya tiada ditetapkan oleh Akta ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, maka notis itu hendaklah menetapkan waktu yang berpatutan bagi menurut kehendak-kehendak itu.

Pekerja
Penguasa Air
boleh
menuntut
nama-nama
dan alamat-
alamat
dalam
perkara-
perkara yang
tertentu

- 38.** (1) Barangsiapa yang dituduh oleh mana-mana pekerja Penguasa Air atau mana-mana Pegawai Polis kerana sebarang kesalahan di bawah Akta ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah memberi nama dan alamatnya kepada pekerja atau pegawai tersebut, jika dikehendaki sedemikian.
- (2) Penduduk mana-mana bangunan hendaklah, jika dikehendaki oleh mana-mana pekerja Penguasa Air atau mana-mana Pegawai Polis, memberi namanya dan nama serta alamat tuanpunya bangunan, jika diketahui.
- (3) Barangsiapa yang bersalah di bawah bab ini atau dengan sengaja menyatakan dengan tidak betul akan nama dan alamatnya atau nama dan alamat tuanpunya mana-mana bangunan akan didapati salah dan akan, apabila dijatuhkan hukuman, terkena denda sebanyak \$300.

BAHAGIAN VII

MENDAPATKAN SEMULA WANG-WANG YANG PATUT DIBAYAR

Mendapat-
kan semula
wang-wang
yang patut
dibayar

- 39.** (1) Semua wang selain dari hukuman-hukuman atau denda-denda, yang boleh dibayar atau didapatkan semula di bawah Akta ini, hendaklah didapatkan semula apakala dibuat dakwaan oleh Penguasa Air, bersama dengan wang bunganya sebanyak 8 peratus pada tiap-tiap tahun, dan sebarang keputusan yang diberi atau perintah yang dibuat di dalam mana-mana Mahkamah mengenai dakwaan itu hendaklah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti sebarang keputusan atau perintah yang boleh dikuatkuasakan di dalam sebarang tindakan lain di dalam Mahkamah tersebut, dengan syarat bahawa dalam perkara wang-wang yang patut dibayar, mengenai air yang dibekalkan, tindakan untuk mendapatkan semula akan dilakukan oleh Lembaga Bandaran.

- (2) Di dalam sebarang tindakan yang sedemikian maka satu sijil yang dikatakan telah ditandatangani dan dibubuh cap Penguasa Air atau Lembaga Bandaran bahawa sebarang

jumlah wang patut dibayar kepada Penguasa itu hendaklah apabila ditunjukkannya dijadikan keterangan *sepintas lalu* tentang hutang tersebut dan kegagalan membayarnya.

BAHAGIAN VIII

SYARAT-SYARAT RAMPAIAN

40. Dakwaan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bolehlah dijalankan oleh mana-mana orang yang dibenarkan bagi maksud itu oleh Penguasa Air.

Siapakah yang boleh mendakwa

41. Tiada denda atau hukuman yang dikenakan di bawah Akta ini akan membabit atau menyentuh kuasa-kuasa Penguasa Air di bawah bab 24, atau tiada apa di dalam Akta ini akan disifatkan mencegah perbicaraan-perbicaraan secara dakwaan sivil terhadap mana-mana orang kerana kerosakan yang dilakukan kepada mana-mana pekerjaan-pekerjaan air, atau mencegah mana-mana orang dari didakwa secara jenayah kerana suatu kesalahan terhadap sebarang pekerjaan-pekerjaan air.

Kuasa untuk mengambil tindakan

42. (1) Sebarang kesalahan di bawah Akta ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bolehlah dibicarakan oleh Mahkamah Majistret.

Mahkamah kerana membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini

(2) Semua denda yang dikenakan kerana sebarang kesalahan terhadap Akta ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, hendaklah dibayar ke dalam wang fund Penguasa Air yang bersesuaian.

43. Penguasa Air boleh tatkala membuat sebarang Undang-Undang Kecil (Bye-laws) atau Peraturan-peraturan menetapkan denda yang mana jika dilanggarkannya akan dapat dihukum, tetapi hendaklah denda tersebut tidak akan lebih, bagi sebarang satu kesalahan, dari \$500 atau, dalam perkara kesalahan yang diteruskan, dari \$20 bagi tiap-tiap hari semasa yang mana kesalahan tersebut terus dilakukan.

Denda boleh ditetapkan kerana melanggar Peraturan-peraturan

Denda kerana melanggar Peraturan-peraturan di mana tiada ditetapkan dendanya

Paip-paip, cock-cock dalam penggunaan dll., tidak akan terkena rampasan untuk dijual

Lesen-lesen akan dikeluarkan mengikut pertimbangan

44. Barangsiapa yang melanggar sebarang Peraturan-peraturan yang mana tidak ditetapkan dendanya akan terkena denda sebanyak \$500, bagi sebarang satu kesalahan, atau dalam perkara kesalahan yang diteruskan sebanyak \$20 bagi tiap-tiap hari semasa yang mana kesalahan tersebut terus dilakukan.

45. Jika mana-mana paip, cock atau lain-lain perkakas dalam penggunaan yang dippunyai oleh Penguasa Air diletakkan di dalam atau di atas mana-mana bangunan yang bukan kepunyaan Penguasa Air bagi maksud membekalkan air, maka paip, cock atau lain-lain perkakas tersebut tidak akan terkena rampasan untuk dijual atau diambil dalam menjalankan perintah sebuah Mahkamah atau perbicaraan-perbicaraan bengkrap terhadap orang dalam simpanan siapa benda-benda itu berada.

46. (1) Pemberian atau pembaharuan sebarang lesen menurut Akta ini atau sebarang Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, hendaklah mengikut pertimbangan Penguasa Air atau orang yang diberi kuasa untuk memberi atau membaharui lesen itu dan boleh diberi, dibaharui atau ditolak dengan tidak payah memberi sebarang sebab kerana pemberian, pembaharuan atau penolakan tersebut dan boleh diberi atau dibaharui tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang sedemikian sebagaimana yang Penguasa atau orang yang memberi, membaharui atau menolak itu mungkin fikir patut dan hendaklah boleh dibatalkan pada bila-bila masa dengan tidak payah membayar gantirugi dan dengan tidak payah memberi notis oleh Penguasa itu apabila dilanggar sebarang sekatan atau syarat tertakluk kepada mana ianya dikeluarkan.

(2) Penguasa atau orang yang diberi kuasa untuk memberi atau membaharui mana-mana lesen boleh menghendaki mana-mana pemohon lesen tersebut untuk memberi maklumat yang sedemikian sebagaimana yang Penguasa atau orang itu boleh dengan munasabahnya berkehendakkan untuk

mempertimbangkan dengan penuh dan betul akan permo-honan itu dan, jika sekiranya gagal diberi maklumat tersebut, bolehlah ianya enggan memberi atau membaharui lesen tersebut.

(3) Kecuali jika dipersyaratkan sebaliknya mana-mana lesen yang diberi atau dibaharui menurut Akta ini atau seba-rang Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bolehlah diberi atau dibaharui untuk tempoh yang tidak lebih dari 12 bulan sebagaimana Pengguna itu fikirkan patut.

(4) Maka hendaklah dikenakan bagi pemberian atau pembaharuan sebarang lesen bayaran yang sedemikian, jika ada, sebagaimana yang boleh ditentukan.

(5) Tiada lesen yang sedemikian boleh ditukarkan nama dengan tiada persetujuan daripada Pengguna Air atau orang yang memberi lesen itu.

(6) Kecuali jika dipersyaratkan sebaliknya mana-mana orang yang terkilan oleh keengganan mana-mana pekerja Pengguna Air untuk memberi atau membaharui suatu lesen atau oleh penahanan atau pembatalan mana-mana lesen oleh Pengguna Air bolehlah, dalam tempoh sebulan dari keeng-ganan, penahanan atau pembatalan tersebut, merayu kepada Pengguna Air keputusan siapa mengenai perkara itu adalah muktamad.

(7) Dalam bab ini "lesen" bermakna sebarang ke-benaran, persetujuan, permit, izin, kuasa, surat kuasa atau lesen yang boleh diberi menurut Akta ini atau sebarang Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

47. (1) Tiap-tiap notis, perintah atau surat yang dikehen-daki atau dibenarkan oleh Akta ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya untuk diberi kepada mana-mana orang bolehlah diberi —

Memberi
notis

(a) dengan menghantar notis, perintah atau surat tersebut kepada orang itu atau dengan menghantarnya ke tempat tinggal orang tersebut yang penghabisan sekali diketahui kepada mana-mana keluarga atau orang gaji keluarganya yang dewasa ;

(b) dengan meninggalkannya di tempat tinggal atau tempat perniagaan orang tersebut yang biasa atau yang penghabisan sekali diketahui di dalam sekeping sampul surat yang dialamatkan kepada orang itu ; atau

(c) dengan menghantarkannya dengan jalan pos yang telah dibayar setemnya yang dialamatkan kepada orang tersebut di tempat tinggal atau tempat perniagaannya yang biasa atau yang penghabisan sekali diketahui.

(2) Sesuatu notis, perintah atau surat yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana Peraturan yang dibuat di bawahnya untuk diberi kepada tuanpunya atau penduduk mana-mana bangunan hendaklah dianggap telah dialamatkan dengan betulnya jika dialamatkan kepada "tuanpunya" atau "penduduk" bangunan tersebut dengan tidak payah membubuh nama atau kenyataan yang selanjutnya.

(3) Sesuatu notis, perintah, saman atau surat yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya untuk diberi kepada tuanpunya atau penduduk mana-mana bangunan bolehlah diberi dengan menghantarkannya atau satu salinannya yang benar kepada mana-mana orang dewasa yang berada di bangunan itu atau, jika tiada orang yang sedemikian di dalam bangunan itu kepada siapa ianya boleh dengan munasabahnya dihantar, dengan menampalkan notis, perintah, saman atau surat itu di mana-mana bahagian bangunan itu yang jelas dapat dilihat.

BAHAGIAN IX

PERATURAN-PERATURAN

48. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat Peraturan-peraturan bagi —

- (a) mengaturkan pemasangan bekalan-bekalan air dan perubahan-perubahannya dan bagi menghantar pelan-pelan dan ketentuan-ketentuan butir-butir mengenainya ;
- (b) mengaturkan kegunaan meter-meter air dan mencegah diganggu atau dirosakkan meter-meter air atau “seal-seal” yang dibubuh ke atasnya ;
- (c) mencegah dari digunakan dengan salah, dibuang, dijual semula atau dikotorkan air dari pekerjaan-pekerjaan air, termasuk sebarang pengambilan-pengambilan air dari sungai yang berhubung dengan pekerjaan-pekerjaan air itu ;
- (d) melesenkan tukang-tukang paip untuk membuat kerja bagi pemasangan bekalan-bekalan air dan kerja-kerja membetul, menyambung, mengubah atau memindahkannya dan mencegah digajikan tukang-tukang yang tidak berlesen untuk membuat kerja-kerja tersebut dan menentukan bayaran-bayaran yang akan dikenakan bagi lesen-lesen tersebut ;
- (e) menentukan bahan-bahan paip dan kelengkapan-kelengkapan yang akan digunakan berhubung dengan bekalan-bekalan air (termasuk air yang dibekalkan ke tempat-tempat buang air kecil dan jamban-jamban tarik) dan besarnya, bentuknya, cara memasang, mengatur, sambung-menyambung, pekerjaannya, meletakkan, memeriksa, menguji, kedudukannya dan membersihkannya ;

Kuasa
Kebawah
Duli Yang
Maha Mulia
dalam Majlis
Mesyuarat
untuk
membuat
Peraturan-
peraturan

- (f) borang semua notis-notis yang dikehendaki untuk diberi atau dihantar di bawah Akta ini, dan cara mengeluarkan dan memberinya ;
- (g) waktu dan tempat membayar semua wang yang terhutang atau akan menjadi terhutang di bawah Akta ini ;
- (h) cengkeram-cengkeram yang akan dibayar oleh orang-orang yang menggunakan air ;
- (i) bayaran-bayaran, belanja-belanja tambahan dan pembayarannya ;
- (j) harga air ;
- (k) jumlah air percuma kepada rumah-rumah sakit, pertubuhan-pertubuhan dermawan dan lain-lain bangunan yang telah dibenarkan ;
- (l) memasang meter-meter, jumlah sewa-sewa meter dan menentukan banyaknya air yang digunakan di mana-mana bangunan ;
- (m) memberitahu sekatan atau penahanan bekalan air ;
- (n) mencabut atau menyambungkan semula bekalan air daripada atau kepada seorang yang menggunakan air ;
- (o) jenis, besarnya dan mutu paip-paip, dan kelengkapan-kelengkapan yang akan digunakan bagi perkhidmatan dalam atau perkhidmatan kebakaran ;
- (p) membina, mengubah dan memelihara serta menjaga perkhidmatan dalam dan perkhidmatan kebakaran termasuk menjaga supaya perkhidmatan-perkhidmatan tersebut bersih ;
- (q) memberitahu kepada orang-orang yang menggunakan air bahawa mana-mana perkhidmatan dalam atau perkhidmatan kebakaran adalah rosak ;

(r) mencegah pembuangan air dan melarang dijual semula air ;

(s) mengambil air dari paip-paip tepi jalan awam, mengaturkan atau menghadkan orang-orang yang mengambil air atau yang hendak mengambil air dari paip-paip tersebut, membahagi atau mencatu atau menghadkan bekalan-bekalan air yang boleh diambil dari paip-paip tersebut, dan memberi kuasa kepada Pegawai-pega-wai Polis dan lain-lainnya bagi maksud mengatur, mem-bahagi, mencatu dan menghadkannya ;

(t) menggunakan air bagi maksud-maksud melawan kebakaran ;

(u) menjaga dan menggunakan air dari pekerjaan-pekerjaan air ;

(v) mengatur, melindung dan mengawal pekerjaan-pekerjaan air, termasuk sebarang pengambilan-pengam-bilan air dari sungai yang berhubung dengan pekerjaan-pekerjaan air tersebut ;

(w) mengambil ikan di dalam kolam-kolam air ;

(x) menentukan sebarang apa yang dikehendaki untuk ditentukan di bawah Akta ini ;

(y) semua perkara sedemikian yang tidak dahulunya dengan khas disebutkan yang boleh membantu supaya Akta ini dapat dijalankan dengan lebih baik dan ber-kesan.

(2) Peraturan-peraturan sedemikian boleh memper-syaratkan bahawa perlanggaran mana-mana Peraturan yang disebutkan itu akan merupakan satu kesalahan, dan boleh menentukan hukuman-hukuman yang tidak lebih dari denda sebanyak \$1,500 kerana perlanggaran-perlanggaran tersebut.